

## Fungsi Tumbuhan Cekur (*Kaempferia Galanga* L.) dan Setawar (*Costus Speciosus*) dalam Kehidupan Tradisional Suku Dayak Desa

HERPANUS

### ABSTRAK

*Dayak Desa adalah suku kaum yang menghuni Pulau Borneo. Dalam masyarakat ini, penggunaan tumbuhan telah sepadu dengan hidup tradisional dan kebudayaan mereka. Dalam makalah ini akan ditinjau tumbuhan cekur dan setawar yang berperanan penting dalam kebudayaan masyarakat Dayak Desa. Cekur digunakan orang Dayak Desa dalam pengubatan dan pengusiran hantu. Tanaman ini juga mendapat tempat dalam sastera lisan yang menjadi asas keyakinan dalam penggunaannya. Sementara itu, setawar pula digunakan dalam adat pendirian rumah, pembuatan dan pemindahan dapur serta digunakan dalam adat berhuma.*

*Kata kunci: Dayak Desa, cekur, setawar, kebudayaan*

### ABSTRACT

*Dayak Desa is a clan living in Borneo. In this community, the use of plants is embedded in their traditional life and culture. This article examines cekur and setawar which play important roles in the culture of Dayak Desa. Cekur is used by Dayak Desa in medication and exorcising ghosts. This plant is also cited in oral literature that becomes the basis of beliefs in its use. On the other hand, setawar is used in house construction, the making and moving of kitchen and also used in dry farming tradition.*

*Key words: Dayak Desa, cekur, setawar, culture*

### PENGENALAN

Berdasarkan ilmu linguistik, terdapat beberapa keluarga bahasa Austronesia di Pulau Borneo. Antaranya ialah Melayik, Bidayuhik, Tamanik dan Kayanik (Collins 1999, 2002). Dari tiga keluarga bahasa ini, keluarga bahasa Melayik yang dianggotai bahasa yang dituturkan orang Melayu dan juga orang Dayak. Suku Dayak Desa adalah salah daripada

suku dalam keluarga Melayik dengan bahasanya mirip kepada bahasa Iban. Masyarakat ini menghuni di Kabupaten Sintang, Kalimantan Barat (Indonesia).<sup>1</sup> Sementara itu, Dayak Desa kurang diperhatikan pengkaji linguistik, sastera, antropologi dan bidang ilmu lain. Makalah ini cuba membincangkan masyarakat Dayak Desa dari aspek etnolinguistik dengan melihat penggunaan tumbuhan cekur dan setawar dalam hidup tradisional mereka. Ini kerana penggunaan tumbuhan secara tradisional sangat penting dalam masyarakat di Pulau Borneo (Bussmann 2006) dan tumbuh-tumbuhan dari dahulu sampai kini telah sepadu dengan hidup tradisional orang Dayak Desa. Secara ringkas, selain digunakan sebagai bahan pembinaan, makanan dan senjata, tumbuh-tumbuhan juga berperanan sebagai instrumen untuk ritual dan juga wujud dalam sastera lisan (seperti dongeng dan mantra) dalam masyarakat Dayak Desa.

### FUNGSI CEKUR

Cekur adalah tanaman yang banyak ditanam di Asia Tenggara. Namun menurut Burkill (1966) herba ini dibudidayakan di India. Saiz daun cekur boleh mencapai hingga 10 cm lebar dan 15 cm panjang. Pelepah daun pendek dan berukuran 2-3 cm sahaja. Cekur berbunga di tengah-tengah rumpun dan bunganya berwarna putih (dengan bintik-bintik yang berwarna ungu). Lihat Foto 1. Daun dan rizom cekur mempunyai bau harum yang




Foto 1. Tumbuhan cekur

unik. Secara umumnya, tanaman ini digunakan sebagai ubat dan perasa (Ismail 2000).

Di kalangan orang Dayak Desa, cekur digunakan sebagai ubat dan dipercayai memiliki kemampuan untuk menyembuhkan dan menghindarkan manusia dari sakit yang disebabkan gangguan roh-roh jahat (hantu). Hubungkait fungsi cekur dalam sastera lisan, perubatan dan adat kebudayaan masyarakat Dayak Desa adalah seperti yang akan diperkatakan selanjutnya.

## CEKUR DALAM SASTERA LISAN

Cekur mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam sastera lisan dalam masyarakat Dayak Desa, khususnya dalam cerita dongeng *Semanang Angau*. Cerita ini menggambarkan khasiat cekur dalam pengobatan. Dalam cerita itu, cekur digunakan untuk menghidupkan kembali seorang anak gadis yang telah meninggal kerana digigit ular tedung penjelmaan roh jahat, iaitu Butang Kejarak. Petikan cerita *Semanang Angau* yang melibatkan cekur adalah seperti di bawah ini:

...*bəkəliŋi? ti? tujū<sup>h</sup> kali? ya ŋliŋi? nəm<sup>ɸ</sup>ia? to? tadi?,  
məda?biŋū<sup>t</sup>.udəh ya? bayu? ya anu? kə gayu, dəpalay ŋ<sup>ɸ</sup>aw gayu  
m:uŋkal, ŋ<sup>ɸ</sup>aw dəsapmu? ŋ<sup>ɸ</sup>aw dəsapmuŋ<sup>ɸ</sup>aw cəkuy, dəpuyū<sup>h</sup> ŋ<sup>ɸ</sup>aw  
jəyənaw, həpia? ā?, bayu? nəm<sup>ɸ</sup>ia? bətəkasi?...*

(...tujuh kali dia (*Semanang Angau*) mengelilingi anak gadis itu. Terlihat anak gadis itu bergerak, setelah itu baru dia mengusapkan gaharu mungkal, mengasap dengan asap yang keluar dari cekur yang dibakar serta disembur dengan cekur. Kemudian diusap dengan jerangau. Setelah itu baru anak gadis tersebut bersin...)

...*kəpaŋ<sup>ɸ</sup>ay paŋ<sup>ɸ</sup>ay paŋ<sup>ɸ</sup>ay sida? anu? tadi? no? dudi kəsida? dəh  
naday məda? bəkaw, dudi kə dia?. dia? jəyənaw.dia? cəkuy.  
hā dia? ə? dudi kə sida? kəba buat kə anu? tadi? kəba piŋ<sup>ɸ</sup>an  
maŋku<sup>o</sup>? tadi?.ntā<sup>ə</sup> blayan cəkuy ŋ<sup>ɸ</sup>aw jəyənaw tadi?. bayu? de?,  
sida? pulay naday məda? səmanā<sup>ə</sup> aŋaw aŋi? matəŋ kata a tau?  
mə mənsia.tau? idup ŋidup mənsia kata a. āh jadi, kata  
səmanā<sup>ə</sup> aŋāw tadi?. papa sida? ya nday dəpəda?, kita? kalaw  
nu? mənsia bətu? pədəya? tabin pədi<sup>h</sup> dəsapmuŋ ŋ<sup>ɸ</sup>aw cəkuy,  
dəsapmu? ŋ<sup>ɸ</sup>aw jəyənaw bai<sup>o</sup>? m: ya? m: pədaŋ<sup>ɸ</sup>i kitay kata:,  
səmanā<sup>ə</sup> aŋaw āh yā?...*

(...akhirnya mereka meninggalkan barang *Semanang Angau* berupa tempayan, pinggan, mangkuk di rumpun jerangau dan cekur, di mana

tidak kelihatan jejak *Semanang Angau* lagi. Kemudian barulah mereka pulang kerana tidak melihat jejak *Semanang Angau* lagi. “Kalian, kalau manusia sakit disembur dengan cekur, diasapi dengan jerangau, begitulah perjajian kita” kata *Semanang Angau* menyapa mereka dengan suara yang tidak diketahui datang dari arah mana...)

Mesej yang ingin disampaikan dalam cerita di atas, iaitu tanaman cekur, gaharu (*Aquilaria sp*) dan jerangau (*Acorus calamus*) merupakan tanaman yang mempunyai fungsi pengobatan. Dalam cerita tersebut, digambarkan bahawa ketiga-tiga jenis tumbuhan itu adalah penjelmaan dari *Semanang Angau*. Sehingga kini, penggunaan ketiga-tiga jenis tumbuhan itu dalam mengusir hantu atau roh jahat masih diamalkan oleh masyarakat Dayak Desa, tetapi orang yang mengetahui dongeng *Semanang Angau* telah berkurangan. Fungsi cekur yang terkandung dalam cerita lisan tersebut menunjukkan terdapat hubungan di antara penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Dayak Desa dan sastera lisan merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dengan kaedah pengobatan tradisional.

## CEKUR DALAM PENGUBATAN

Menurut Coomans (1987) pengobatan tradisional orang Dayak dibezakan berdasarkan tiga cara, iaitu cara rasional; irasional dan campuran. Cara rasional adalah penggunaan ubat khasiat yang terkandung dalam tanaman itu, sedangkan cara irasional adalah penyembuhan penyakit melalui pengamalan ritual untuk menetralkan pengaruh dari dunia ghaib, dan cara pengobatan campuran adalah gabungan cara rasional dengan cara irasional. Dalam masyarakat Dayak Desa, dikenalpasti jenis pengobatan tradisional, iaitu pengobatan rasional dan pengobatan campuran. Dalam pengobatan rasional, khasiat cekur digunakan sebagai ubat batuk. Bahagian tumbuhan yang digunakan ialah rizom. Cara pengobatannya ialah pesakit makan rizom yang dibakar<sup>2</sup>.

Setelah dibandingkan, ternyata pengamalan pengobatan campuran agak giat dalam masyarakat ini. Misalnya cekur dijadikan ubat *pedera'* untuk mengubati penyakit yang disebabkan gangguan roh jahat (hantu). Cara mengubatnya ialah membaca mantera ke atas rizom cekur, kemudian rizom itu disapu di bahagian tengkuk, dahi dan dada pesakit. Mantera yang dilafazkan adalah seperti berikut:

<i>bəliū° dʊŋkal daŋkul</i>	Beliung dungkal dangkul
<i>pəyədəh patah tiga</i>	Tangkai beliung patah tiga
<i>antu tun<sup>d</sup>ua? mati tuŋul</i>	Hantu tunduk mati tunggul
<i>kami diam antaya dua</i>	Kami diam antara dua
<i>kəpala? kəya? kumpal lima?</i>	Kepala kera gumpal lima
<i>dayəh kumpal tiga</i>	Darah gumpal tiga
<i>antu nyū<sup>a</sup>h pədəya?</i>	Hantu membuat <i>pederak</i>
<i>aku nyū<sup>a</sup>h kasa</i>	Aku membuat sembuh

Mantera di atas termasuk dalam kategori *tawar* berdasarkan klasifikasi *Ilmu*<sup>3</sup> daripada Hermansyah (2006). Menurutnya, *tawar* adalah *Ilmu* yang berupa mantera yang sebahagian besarnya digunakan untuk pengobatan. Makna yang tersirat dalam mantera itu ialah roh jahat (hantu) tunduk kepada pelafaz mantera, seperti tunggul kayu. Sekiranya hantu itu telah membuat orang berkenaan sakit, diharapkan dapat menyembuhkannya seperti yang asal. Kanak-kanak yang selalu menangis pada waktu malam dianggap tanda diganggu jahat (hantu). Sehubungan itu, pengusiran hantu dilakukan dengan menggunakan cekur dengan mantera dilafazkan sebanyak tiga kali, kemudian cekur diludahkan setiap kali mantera selesai diucapkan. Lalu, rizom cekur itu dikunyah dan disemburkan ke arah kepala ibu dan anak semasa mereka tidur di dalam kelambu. Mantera yang dilafazkan itu berbunyi:

<i>pəlanu°? uŋka? aŋkul</i>	Kancil melipat dan meluruskan kaki
<i>pəyədəh patah tiga</i>	Beliung patah tiga
<i>antu tun<sup>d</sup>u°? bəka tuŋul</i>	Hantu tunduk seperti tunggul
<i>kami lalu antaya dua</i>	Kami lewat antara dua
<i>ntā° mə ŋaŋā°</i>	Di beranda
<i>təpan manu°? in<sup>d</sup>u?</i>	Hinggap ayam betina
<i>səbayan yā°</i>	Sebayan kerongkongan
<i>kə nasā° baya yuku?</i>	Untuk memadamkan bara rokok
<i>patah pucu°? patah pucu°?</i>	Patah pucuk patah pucuk
<i>patah yusū°? nyū<sup>u</sup>? ŋakam</i>	Patah rusuk melalui bawah pokok rukam
<i>antu tun<sup>d</sup>u°? sətan tun<sup>d</sup>u°?</i>	Hantu tunduk syaitan tunduk
<i>tun<sup>d</sup>u°? antu tun<sup>d</sup>u°? uslan</i>	Tunduk hantu tunduk uslan
<i>tun<sup>d</sup>u°? yəmaw tun<sup>d</sup>u°? macan</i>	Tunduk harimau tunduk macan
<i>tun<sup>d</sup>u°? yənu°? tun<sup>d</sup>u°? ulay</i>	Tunduk <i>ranyuk</i> <sup>4</sup> tunduk ular
<i>səmuə tun<sup>d</sup>u°?</i>	Semua tunduk

Cekur juga berfungsi sebagai “pelindung” kepada bayi yang dibawa dalam perjalanan yang jauh dengan cekur dibacakan mantera agar makhluk ghaib tidak mengganggu bayi itu. Jenis mantera ini adalah mantera

kategori *pelias*, iaitu *Ilmu* yang melindungi bahaya (sama ada dari manusia, senjata, makhluk ghaib mahupun penyakit) (Hermansyah 2006).

Selain untuk ritual penyembuhan, cekur juga berfungsi dalam adat kematian. Bila ada anggota keluarga yang meninggal, cekur akan dikunyah dalam mulut, kemudian disemburkan di sekeliling ruang dalaman rumah. Penyemburan ini biasanya dilakukan setelah tiga hari berkabung (*diaw*) untuk mengusir hantu yang dipercayai berada di sekeliling rumah, selain menghindari penghuni rumah dari segala pengaruh buruk.

Orang Dayak Desa gemar menanam cekur di halaman rumah kerana dipercayai dapat menghindarkan rumah dari gangguan roh jahat. Dalam adat berhuma, cekur adalah tumbuhan wajib ditanam di *penudu' benih*<sup>5</sup>. Tanaman cekur dipercayai akan menjadi penjaga, kawan (*kaban*) dan pesuruh (*ulun*) kepada tanaman padi selain diharapkan padi dapat tumbuh dengan subur dan terhindar dari hama dan penyakit.

#### FUNGSI SETAWAR (*COSTUS SPECIOSUS*)

Tumbuhan setawar adalah dari genus *Costus*. (lihat Foto 2). Istilah "setawar" dalam bahasa Melayu bererti 'pembersih virus' (Burkill 1966). Tumbuhan ini tumbuhan liar yang banyak didapati di tempat rendah yang lembab. Orang Dayak Desa menyebutnya sebagai *pa'mu* atau *semanang padi*, kadang-kadang juga sebagai *pencilap*<sup>6</sup>. Namun nama *semanang padi* dan *pencilap* nama julukan yang berasaskan fungsi tumbuhannya.



Foto 2. Tumbuhan setawar

Orang Dayak Desa percaya tumbuhan ini adalah penjelmaan dari seorang dukun (*semanang*).

## SETAWAR DALAM PENGUBATAN & ADAT RUMAH

Orang Dayak Desa menggunakan setawar dalam pengubatan tradisional untuk penyakit cirit-birit berdarah. Bahagian setawar yang digunakan sebagai ubat ialah tunas muda yang berukuran *serenti*<sup>7</sup>. Tunas muda ini dimakan sama ada mentah ataupun meminum air tunas yang direbus. Selain orang Dayak Desa, setawar juga digunakan sebagai ubat oleh suku Dayak Ransa di Kalimantan Barat (Caniago & Siebert 1998). Mereka menggunakan setawar untuk mengubati sakit kepala. Tanaman ini juga ubat tradisional untuk penyakit asma di wilayah Rajasthan (India). Mandal et al. (2007) melaporkan setawar adalah spesies tumbuhan yang mempunyai fungsi pengubatan di Andaman dan Kepulauan Nikobar, untuk mengubati penyakit radang tenggorokan (bronchitis), asma, dan kurang darah (anemia).

Selain berfungsi sebagai ubat dalam tradisi masyarakat Dayak Desa, setawar juga digunakan dalam beberapa ritual yang berhubung kait dengan rumah. Misalnya semasa hendak membina rumah baru, pemilik rumah akan menanam setawar di tepi tiang rumah yang pertama kali dipacakkan dengan pengertian agar penghuni rumah itu bukan sahaja terhindar dari segala pengaruh buruk, tetapi juga boleh hidup dengan selamat. Dalam ritual pemacakan tiang rumah, ritual pengusiran hantu akan diadakan dan mantera sebagai berikut dilafazkan:

<i>təməŋü<sup>o</sup> pati agü<sup>o</sup></i>	Temengging patih agung
<i>apay bain tukä<sup>o</sup> nəmpa?</i>	Ayah bain (nama orang) tukang tempa (besi)
<i>təmpa? kəyəsi<sup>a?</sup> batu nyūü<sup>o</sup></i>	Tempa pasir batu nyurung(nama batu)
<i>nəmpa? batu nyūü<sup>o</sup> bətuŋa?</i>	Menempa batu nyurung berhadap-hadapan
<i>nəmpa? bukit syibu tuncü<sup>o</sup></i>	Menempa bukit seribu puncak
<i>nəmpa? pusa nəŋa lan<sup>d</sup>a?</i>	Menempa pusa <sup>8</sup> naga landak (haiwan landak)

Setelah mantera dilafazkan, kerja pembinaan itu diteruskan dengan pemacakan dan penimbunan tiang pertama. Kemudian setawar akan ditanam di sebelah timur tiang itu. Bila proses itu selesai, barulah tiang-tiang rumah lain boleh dipacakkan. Setawar yang ditanam itu hendak dipilih dari pokok yang terbaik (biasanya dari tumbuhan setawar yang tumbuh di tanjung sungai).

Batang setawar digunakan sebagai bahan pembuatan *penti'* iaitu patung kayu diukir yang berupa manusia. Batang setawar yang telah diukir akan dilafazkan mantera seperti di bawah:

<i>kalaw kumpā° yansā° jaya</i>	Kalau kumpang (nama pokok) ransang jaya
<i>təbəlīan macan siṅa</i>	Tebelian (sejenis pokok) macan singa
<i>paʔmu abu nasa</i>	Setawar abu nasa (nama orang)
<i>in<sup>d</sup>ay utāʔ laʔ səmana</i>	Ibu utak laksamana
<i>ntali kəpati nasa</i>	Pokok entali untuk patih nasa
<i>ŋkəyəbā° nəmā° yiga</i>	Pokok engkerebang nimang riga (nama orang)
<i>tukū° təməŋū° puja</i>	Tukung (tidak berekor) temenggung puja
<i>jaga siṅa uday</i>	Jaga singa udar (nama orang)

Menurut kepercayaan orang Desa, *penti'* adalah sahabat manusia yang boleh berkomunikasi dengan hantu, sehingga dapat membantu manusia menghindarinya dari pengaruh roh jahat. *Penti'* yang diperbuat dari batang setawar itu digunakan ketika pembuatan atau pemindahan dapur rumah. Jumlah *penti'* yang diperlukan ialah sebanyak tujuh buah dan ketujuh-tujuh *penti'* itu akan dipacakkan di sekitar tiang *entilang* (*ntilā*)<sup>9</sup>. Empat buah *penti'* dipacakkan menghadap ke arah timur, manakala tiga buah lagi menghadap ke barat. Dalam hal ini, *penti'* hendaklah banyak menghadap ke arah timur kerana dipercayai dapat mendatangkan rezeki yang banyak.

Selain batang setawar sebagai *penti'*, daun setawar juga digunakan sebagai “alas tanah” untuk tungku dapur dalam ritual membuat dapur rumah. Tiga helai daun setawar yang segar dan tiga jenis daun, iaitu daun *ruap*, *peresuk* dan *pelekat* disusun berlapis dengan menghadap ke atas. Keempat-empat jenis daun tersebut disusun dari bawah dengan urutan yang bermula dari daun *ruap*, *peresuk*, *pelekat*, dan yang paling atas sekali ialah daun setawar. Setelah daun itu disusun, ia diikuti dengan memasukkan tanah yang akan dijadikan tungku dapur. Ritual itu dilaksanakan agar penghuni rumah dapat hidup dengan sejahtera dan tidak kekurangan makanan.

Selain ritual pembinaan rumah dan membuat/memindahkan tungku dapur, setawar juga wajib ditanam semasa berhuma. Menurut adat berhuma Dayak Desa, setawar akan ditanam di tempat (tanah) yang pertama kali bakul (*takin*) berisi benih padi diletakkan. Hal itu bertujuan supaya benih padi akan “sejuk” (*celap*) dan pertumbuhan padi akan menjadi subur. Dalam hal ini, setawar dianggap sebagai dukun padi yang dapat mengusir segala jelmaan roh jahat dan hama yang merusakkan tanaman.



## PENUTUP

Daripada huraian di atas, jelas bahawa cekur dan setawar mempunyai peranan penting dalam adat tradisi dan masyarakat Dayak Desa. Dalam tradisi masyarakat Dayak Desa, cekur dan setawar digunakan dalam pengubatan rasional dan campuran. Yang dimaksudkan dengan pengubatan rasional ialah menggunakan khasiat tumbuhan ini untuk menyembuhkan penyakit (dalam kes ini, penyakit batuk, asma cirit birit dan sebagainya) manakala pengubatan campuran diamalkan dengan mencampurkan unsur mistik (penggunaan mantera) semasa menggunakannya untuk pengubatan. Selain cekur dan setawar, masih banyak tumbuhan lain mempunyai peranan yang penting dalam hidup tradisi orang dalam masyarakat Dayak Desa, baik tanaman itu liar atau yang ditanam. Kajian terhadap hubungan antara tumbuh dengan kehidupan masyarakat ternyata adalah usaha murni memandangkan alam sekitar kian dirosakkan ekoran pembalakan dan pembangunan. Kesan negatif yang bakal dirasai ialah kepunahan khazanah tradisi yang diwarisi turun-temurun. Justeru, adalah tanggung jawab kita untuk melestarikan dan mendokumentasikan pengetahuan tradisional itu sebelum ia hilang ditelan arus zaman dan akibat kerosakan alam sekitar.

## NOTA

- <sup>1</sup> Menurut Vinson & Sutlive. 2001, masyarakat Dayak Desa yang tersebar di Lembah Sungai Jemela dan Sungai Lebang berasal dari Batang Ai', Sarawak, kemudian mereka berpindah ke daerah Ketungau dan berpindah lagi ke kawasan Sintang.
- <sup>2</sup> Sather. 2001, melaporkan bahawa cekur dan kunyit digunakan oleh *semanang* (dalam bahasa Iban Saribas disebut *manang*) dalam pengubatan.
- <sup>3</sup> *Ilmu* yang dimaksudkan di sini adalah ilmu ghaib yang biasanya dikenali sebagai *magic* oleh ahli antropologi.
- <sup>4</sup> Sejenis haiwan
- <sup>5</sup> *Penudu' benih* adalah tempat di huma untuk pemberkatan benih sebelum melakukan kerja penugalan. Biasanya tempat pemberkatan ini berada di tengah-tengah huma.
- <sup>6</sup> Istilah *Pancalap* adalah tanaman yang berfungsi melindungi padi dari gangguan perosak dan menjamin tanaman padi tumbuh dengan subur.
- <sup>7</sup> Sejenis sistem *metric* tempatan yang diukur dengan menggunakan tapak tangan. Panjang satu renti (*serenti*) bersamaan dengan ukuran dari tapak tangan hingga ke hujung ibu jari, iaitu kira-kira 14 cm (bergantung kepada saiz tangan seseorang).
- <sup>8</sup> Sejenis alat
- <sup>9</sup> Merupakan tiang yang menyangga rak, tetapi tiang ini biasanya berada di sebelah tengah dapur.

RUJUKAN

- Burkill, I.H. 1966. *A dictionary of the economic products of the Malay Peninsula*. Vol. 2 (A-Z). Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and Co-operatives.
- Bussmann, R.W. 2006. Ethnobotany of the Samburu of Mt. Nyiru, South Turkana, Kenya. *Journal of Ethnobiology and Ethnomedicine* 2: 35. <http://www.ethnobiomed.com/content/2/1/35> (5 Julai 2008).
- Caniago, I & Siebert, S.F. 1998. Medicinal plant ecology, knowledge and conservation in Kalimantan, Indonesia. *Economic Botany* 52 (3): 229-250.
- Collins, J.T. 1999. Keragaman bahasa di Kalimantan Barat. Kertaskerja yang dibentangkan dalam Festival Budaya Nusantara Regio Kalimantan Barat. Pontianak, 10 September.
- Collins, J.T. 2002. Bahasa dan identiti di Pulau Borneo: Tinjauan awal di Kalimantan Barat. *Majalah Dewan* 2(4): 29-53.
- Coomans, M. 1987. *Manusia Dayak: dahulu, sekarang, masa depan*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Hermansyah. 2006. Alam orang Melayu: Kajian ilmu di Embau Kalimantan Barat Indonesia. Tesis Dr. Fal., Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail Saidin. 2000. *Sayuran tradisional, ulam dan penyedap rasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mandal, A.B., Thomas, V.A. & Elanchezhian, R. 2007. Rapid pattern of *Costus Speciosus* Koen Ex. Retz., An important medicinal plant from the Andaman and Nicobar Islands. *Current Science* 93 (3): 369-373.
- Sather, C. 2001. *Seeds of play, words of power: An ethnographic study of Iban Shamanic Chants*. Sarawak: The Tun Jugah Foundation.
- Vinson & Sutlive, J. (pnyt.). 2001. *The encyclopaedia of Iban Studies*. Vol. 1. Sarawak: The Tun Jugah Foundation.

*Herpanus*  
Desa Emparu Baru, Kecamatan Dedai,  
Kabupaten Sintang,  
Kalimantan Barat, INDONESIA.  
E-mail: herpanus2003@yahoo.co.id